

24 NOV 1996

Imej-Islam

MALAYSIA BERUSAHA PULIHKAN IMEJ ISLAM

BUTTERWORTH, 24 Nov (Bernama) -- Menteri Luar Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi berkata usaha pemimpin memajukan negara dalam pelbagai bidang di samping kerjasama dan muafakat dengan negara lain akan membawa perubahan menggalakkan kepada imej Islam, yang sering diburuk-burukkan oleh Barat.

"Sebab itu di Malaysia, apa jua yang dilaksanakan berkaitan Islam, kita mahu buktikan kepada masyarakat bukan Islam bahawa Islam mengajar umatnya bekerja kuat supaya maju dalam pelbagai bidang," kata beliau.

Inilah yang dilakukan Malaysia sekarang dan usaha itu kini diakui dan dicontohi negara-negara lain yang menganggap Malaysia sebagai sebuah negara Islam, katanya kepada pemberita selepas merasmikan Forum Perdana Ehwat Islam anjuran bersama RTM, Bahagian Hal Ehwat Islam di Jabatan Perdana Menteri dan UMNO Bahagian Kepala Batas di padang Mardi, Paya Keladi, Kepala Batas dekat sini malam tadi.

Terdahulu dalam ucapannya, Abdullah mahu umat Islam mengikis "penyakit busuk hati" di antara sesama mereka bagi menepis tuduhan Barat yang sering mengaitkan Islam dengan keganasan.

"Kita perlu membuktikan bahawa ajaran Islam boleh membawa kemajuan dalam semua aspek serta membawa kebahagiaan," katanya.

Beliau berkata, Malaysia di bawah pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sentiasa berusaha memajukan umat Islam untuk menunjukkan kepada dunia imej Islam sebenar yang boleh membawa umatnya kepada kemajuan dan kebahagiaan dan bukan kemajuan di bidang material semata-mata.

"Kita mahu memajukan bidang sains dan teknologi untuk membuktikan bidang itu bukan satu perkara asing dalam Islam kerana ia merupakan satu bidang yang Islam mempunyai rekod baik dalam tamadun dunia," katanya.

Beliau mengajak umat Islam kembali kepada ajaran Islam supaya mereka tidak didekati "penyakit" yang boleh menimbulkan pelbagai bencana seperti fitnah yang membawa kepada pergaduhan dan pembunuhan sesama mereka.

Sebenarnya tindakan seperti itu berpunca daripada masyarakat Islam yang suka berbalah di antara sesama sendiri menyebabkan seteru mereka mengambil kesempatan memburukkan suasana, katanya.

Abdullah berkata, ini menyebabkan perang saudara banyak berlaku di negara-negara Islam kerana penyakit busuk hati yang mengakibatkan ramai umat Islam menjadi pelarian dengan kerosakan harta benda yang begitu banyak. -- BERNAMA

NH AKD